

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11.06.2014

Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING [PENAMPANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kadar unjuran inflasi dalam ekonomi Sabah dan Sarawak pada tahun 2015 dengan mengambil kira kesan gabungan caj kabolaj yang kini sedang berjalan dan pelaksanaan GST yang akan dijalankan kelak.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Inflasi keseluruhan bagi Malaysia yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP) mencatatkan peningkatan sebanyak 2.1% bagi tahun 2013 berbanding 1.6% pada tahun 2012. Namun begitu, kadar ini masih dalam lingkungan 2% hingga 2.5% yang diunjurkan oleh Kerajaan.

Manakala bagi tempoh empat bulan pertama 2014, kadar inflasi meningkat 3.5% berbanding 1.5% bagi tempoh yang sama tahun lepas. Kenaikan kadar inflasi ini sebahagiannya disebabkan oleh pelarasan harga bahan api dan tarif elektrik, serta gangguan bekalan makanan berikutan keadaan cuaca yang buruk. Walau bagaimanapun, inflasi bagi April 2014 mula menyederhana kepada 3.4% setelah mencatat paras tertinggi pada 2 bulan berturut-turut iaitu, 3.5% bagi bulan Februari dan Mac.

Kadar inflasi pada tahun 2013 bagi negeri-negeri di bahagian barat Malaysia juga mencatatkan peningkatan, iaitu Sabah sebanyak 2.2% dan Sarawak sebanyak 1.9%. Bagi tempoh empat bulan pertama 2014, kadar inflasi di Sabah adalah 2.3%. Manakala, kadar inflasi di Sarawak telah meningkat 3.5% bagi tempoh empat bulan pertama 2014 berbanding 1.3% bagi tempoh yang sama tahun lepas.

Berhubung dengan unjuran kadar inflasi dalam ekonomi Sabah dan Sarawak pada tahun 2015, dimaklumkan bahawa Kerajaan hanya membuat unjuran kadar inflasi secara keseluruhan. Sehubungan itu, unjuran kadar inflasi Malaysia bagi tahun 2014 adalah di antara 3% hingga 4%.

Input disediakan oleh: Bahagian Fiskal dan Ekonomi